

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang menempatkan pegawai fisioterapi (Klinik Rehab) di Parlimen P.203 Lubok Antu, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan kepada rakyat termasuk di kawasan Parlimen Lubok Antu, Sarawak. Bagi daerah Lubok Antu terdapat lapan (8) klinik kesihatan yang terdiri daripada Klinik Kesihatan Jenis 6 dan 7 iaitu Klinik Kesihatan Batang Ai, Klinik Kesihatan Engkilili, Klinik Kesihatan Lubok Antu, Klinik Kesihatan Merindun, Klinik Kesihatan Nanga Delok, Klinik Kesihatan Nanga Kesit, Klinik Kesihatan Nanga Patoh dan Klinik Kesihatan Nanga Stamang.

2. Buat masa ini, **perkhidmatan fisioterapi di kawasan berkenaan dilaksanakan oleh Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29 dari Klinik Kesihatan Sri Aman** yang mengadakan lawatan berkala secara berjadual iaitu seminggu sekali ke empat (4) buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Lubok Antu, Klinik Kesihatan Engkili, Klinik Kesihatan Tanjung Bijat dan Klinik Kesihatan Pantu dan juga ke tiga pusat pemulihan dalam komuniti di Batang Ai, Sri Aman dan Lingga.

SOALAN NO : 17

3. KKM akan meneliti keperluan perkhidmatan kesihatan dengan mengambil kira keperluan di kawasan bandar dan luar bandar melalui proses menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di fasiliti kesihatan. KKM juga akan menjalankan kajian rasionalisasi dan meneliti penempatan semula pegawai khususnya Jurupulih Perubatan Fisioterapi berdasarkan keperluan perkhidmatan yang perlu disediakan dan ruang di fasiliti kesihatan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.